

# SOALAN - SOALAN LAZIM

## SKIM AGROMAKANAN PENJANA

NO	SOALAN	JAWAPAN
1	Apakah Skim Kredit Mikro Agromakanan PENJANA?	Skim ini merupakan satu skim kemudahan pembiayaan yang ditawarkan melalui Agrobank di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) bagi membantu industri pertanian dan makanan yang terjejas akibat pandemik COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan.
2	Apakah skop pembiayaan di bawah Skim Agromakanan PENJANA	Skop pembiayaan di bawah skim ini melibatkan pembiayaan kepada aktiviti berasaskan pengeluaran makanan yang merangkumi keseluruhan rantai pembekalan bermula dari pengeluaran hasil sumber makanan (seperti aktiviti penanaman, ternakan dan penangkapan ikan), pemprosesan, pengedaran, pemasaran dan perkhidmatan penyediaan makanan.
3	Bagaimanakah permohonan pembiayaan boleh dilakukan?	Permohonan pembiayaan boleh dilakukan dengan memuat turun dan melengkapkan borang permohonan kemudahan yang boleh didapati di laman sesawang Agrobank iaitu <a href="http://www.agrobank.com.my">www.agrobank.com.my</a> atau boleh didapati melalui cawangan Agrobank yang berhampiran dengan lokasi perniagaan pemohon.
4	Siapakah yang layak memohon pembiayaan di bawah skim ini?	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Warganegara Malaysia</li> <li>• Berumur sekurang-kurangnya 18 tahun sehingga 65 tahun semasa permohonan.</li> <li>• Perniagaan telah beroperasi sekurang-kurangnya 6 bulan.</li> <li>• Tidak diisytiharkan bankrap</li> <li>• Tidak mempunyai rekod kegagalan pembayaran kredit dengan mana-mana Bank.</li> </ul>
5	Apakah jenis perniagaan yang layak untuk memohon kemudahan pembiayaan ini?	<p>Usahawan mikro dan juga usahawan kategori B40 yang terlibat dalam aktiviti pertanian dan pengeluaran makanan. Antara aktiviti perniagaan yang layak dibiayai adalah seperti berikut:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Aktiviti penanaman, penternakan (termasuk akuakultur) dan penangkapan ikan yang bertujuan bagi pengeluaran makanan.</li> <li>Aktiviti peruncitan dan pembekalan makanan termasuk yang melibatkan penghantaran dan pemasaran makanan.</li> <li>Aktiviti penyediaan makanan seperti restoran, penjaja, katering, kantin dan yang seumpama dengannya.</li> </ol>
6	Berapakah tempoh kemudahan pembiayaan di bawah skim ini?	Maksima sehingga 5 tahun (60 bulan).
7	Berapakah kadar keuntungan dikenakan kepada pelanggan?	Kadar efektif 3.5% setahun atas baki pembiayaan.

NO	SOALAN	JAWAPAN
8	Berapakah had pembiayaan yang boleh dimohon?	Maksima sehingga RM50,000.00* . * bagi setiap pelanggan/perniagaan berdasarkan kepada kelayakan kredit pelanggan.
9	Bagaimanakah wang pembiayaan akan disalurkan?	Secara sekaligus ke akaun pelanggan bagi pembiayaan modal kerja atau kepada akaun pembekal yang telah dilantik dan dipersetujui bagi pembelian aset perniagaan.
10	Bagaimanakah cara bayaran kemudahan pembiayaan ini perlu dilakukan?	Secara ansuran bulanan melalui mana-mana kemudahan berikut; i. Arahkan tetap (SI); ii. Deposit Tunai (CDM); iii. Online Transfer (Automated Teller Machine (ATM) atau melalui Perbankan Internet); iv. Melalui kaunter mana-mana cawangan Agrobank.
11	Apakah dokumen yang diperlukan bagi tujuan permohonan?	i. Borang Permohonan Kemudahan pembiayaan yang lengkap. ii. Salinan kad pengenalan pemohon dan pemohon bersama (bagi permohonan bersama). iii. Penyata akaun simpanan bank atau rekod jualan perniagaan bagi tempoh 6 bulan terkini. iv. Salinan Pendaftaran Perniagaan atau Lesen Peniagaan bagi perniagaan yang melibatkan premis tetap.
12	Dimanakah saya boleh mendapatkan keterangan lanjut dan borang permohonan?	i. Pusat Panggilan Agrobank di talian 1-300-88-2476 ii. Layari laman sesawang rasmi Agrobank <a href="http://www.agrobank.com.my">www.agrobank.com.my</a> iii. Cawangan Agrobank yang terdekat